

20/11/1997

Setinggaan serah memo bantahan kepada PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Sekumpulan setinggaan bandar hari ini mengadakan perhimpunan secara aman di luar Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebelum wakilnya dibenarkan masuk untuk menyerahkan surat bantahan berhubung keputusan Kabinet mahu memindahkan mereka.

Seramai 12 wakil perhimpunan itu dibenarkan masuk ke perkarangan JPM untuk menyerahkan surat tiga muka mengenai bantahan itu kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsudin, kira-kira jam 11.45 pagi.

Sebelum itu, kumpulan kira-kira 100 orang itu yang menggelar diri mereka peneroka bandar mengadakan perhimpunan di depan pintu masuk JPM sambil diawasi beberapa anggota polis.

Mereka yang mendakwa mewakili setinggaan bandar dari Lembah Klang, Johor dan Perak membantah keputusan Kabinet mahu mengeluarkan mereka dari kawasan setinggaan yang diduduki.

Surat itu yang ditujukan kepada Dr Mahathir antara lain mahukan kerajaan menjamin setinggaan bandar yang dikeluarkan, diberi tanah dan rumah sebagai ganti.

Wakil Jawatankuasa Sokongan Peneroka Bandar Johor, Mohd Salleh Ahmad, berkata surat itu adalah reaksi kepada keputusan Kabinet mahu memindahkan mereka.

Keputusan Kabinet dua bulan lalu itu yang diumumkan oleh Menteri Pembangunan Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam disiarkan oleh akhbar tempatan.

(END)